



---

**SIARAN MEDIA**  
**SAGUHATI NUR RAMADAN DAN SAGUHATI HARI RAYA**  
**KEPADA ASNAF FAKIR DAN MISKIN**  
**TAHUN 1442H / 2021M**

---

*Assalamu'alaikum wrb & Salam Ukhuwwah kepada semua yang hadir.*

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T di atas limpah perkenanNya, maka pada hari yang berbahagia di bulan Ramadan Al-Mubarak ini kita dapat bersama-sama berada di dalam majlis yang dianjurkan oleh Zakat Pulau Pinang, Majlis Agama Islam Pulau Pinang.

Tuan- tuan dan Puan-puan,

Pada setiap tahun di bulan Ramadan, Zakat Pulau Pinang akan mengagihkan zakat tambahan kepada asnaf fakir dan miskin. Zakat yang dimaksudkan adalah Saguhati Nur Ramadan dan Saguhati Hari Raya Aidil Fitri. Harapan saya semoga agihan zakat seperti ini dapat meringankan beban golongan sasaran ketika menyambut kedatangan bulan Ramadan dan bulan Syawal yang bakal tiba nanti.

Sebagai pengetahuan, pada tahun ini iaitu 1442H atau 2021 Masihi, Zakat Pulau Pinang telah mengagihkan Saguhati Nur Ramadan dan Saguhati Hari Raya Aidil Fitri berjumlah **RM7,316,100.00** kepada seramai **24,072** penerima yang terdiri daripada asnaf fakir dan miskin.

Bagi Saguhati Nur Ramadan, ZPP telah mengagihkan sebanyak **RM3,050,800.00** dengan bilangan penerima seramai **14,644 orang**. Manakala Saguhati Hari Raya Aidil Fitri adalah berjumlah sebanyak **RM4,265,300.00** dengan bilangan penerima seramai **9,428 orang**.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati,  
Pada hari ini juga Zakat Pulau Pinang ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak **Maybank Islamic** kerana telah menunaikan zakat perniagaan mereka. Saya amat berharap lebih ramai individu serta lebih banyak syarikat korporat akan tampil menunaikan zakat kepada Zakat Pulau Pinang bagi membantu ZPP meneruskan agenda penting membela golongan asnaf di negeri Pulau Pinang ini.

Akhir sekali, saya mendoakan semoga ibadah puasa kita pada tahun ini berjalan dengan baik dan kita dapat bertemu lagi di bulan Ramadan yang akan datang. Saya juga ingin menyeru kepada semua agar patuhilah SOP yang ditetapkan kerana kepatuhan mengikut SOP ini adalah bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan kita bersama di saat penularan Pandemik COVID19 masih belum berakhir. Moga Allah swt rahmati kita semua.

Zakat Pembina Ukhuwwah, Pengukuh Khaira Ummah  
Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela.

Sekian. Terima kasih.

**YB DATO' IR. HJ. AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD RAHMAN**  
**TIMBALAN KETUA MENTERI (1) PULAU PINANG**  
**MERANGKAP**  
**YANG DIPERTUA MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG**  
Tarikh : 4 Mei 2021